

4. Kereta Api Gerak Cepat

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



Kata bantuan:

kereta api gerak cepat

pura-pura

ramai

terima kasih

orang tua

melambai

Pada suatu pagi, saya dan Adli naik kereta api gerak cepat. Kami hendak ke sekolah. Di dalam kereta api itu terdapat ramai orang.

Apabila pintu kereta api terbuka di salah sebuah stesen, sepasang orang tua memasuki kereta api itu. Semua tempat duduk sudah pun diduduki. Mereka terpaksa berdiri di hadapan dua orang lelaki remaja. Kedua-dua remaja itu pura-pura tidur.

Saya dan Adli pun bangun dari tempat duduk kami lalu memberinya kepada pasangan tua itu. Mereka mengucapkan terima kasih kepada kami. Mereka juga berkata bahawa kami berdua memang budak-budak yang baik hati.

Setelah kami tiba di destinasi kami, kami pun keluar daripada kereta api tersebut. Pasangan itu senyum lalu melambai kepada kami.